


No. Siri Kawalan Dokumen

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN KERJA RAYA
DAERAH BALING
KEDAH DARUL AMAN



No. Rujukan Penyebut Harga :
(Kegunaan Jabatan)

DOKUMEN SEBUTHARGA

NO SEBUT HARGA : JKR (BLG) 1 / B / 2022 (N)

NAMA SEBUT HARGA :

SEBUTHARGA KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAGAR SERTA LAIN - LAIN KERJA
BERKAITAN DI KUARTERS NEGERI (RUMAH JURUTERA DAERAH), JKR
DAERAH BALING, BALING, KEDAH DARUL AMAN

TARIKH TUTUP
SEBUTHARGA

: Pada 14HB. APRIL 2022 JAM 12.00 T/HARI
DI JKR DAERAH BALING

NAMA KONTRAKTOR

:
.....
.....

PENDAFTARAN

: BAHAGIAN PEMBANGUNAN KONTRAKTOR DAN
USAHAWAN (TARAF BUMIPUTERA) & CIDB

GRED KONTRAKTOR

: G1

KATEGORI

: B

PENGKHUSUSAN

: B04

TEMPOH SAH PENDAFTARAN CIDB

:

TARIKH PENDAFTARAN DAN
PEMBELIAN BORANG

: 07.04.2022 - 13.04.2022
(TIADA TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK)

JURUTERA DAERAH
JKR DAERAH BALING
KEDAH DARUL AMAN

BORANG SEBUT HARGA KERJA

Sebut Harga Bil JKR (BLG)1/B/2022(N)



Tuan Jurutera Daerah
JKR Daerah Baling
09100 Baling,
Kedah Darul Aman

Tuan,

KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAGAR SERTA LAIN - LAIN KERJA BERKAITAN DI KUARTERS NEGERI (RUMAH JURUTERA DAERAH), JKR DAERAH BALING, BALING, KEDAH DARUL AMAN

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia:
.....(RM).....)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa**6**..... minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh padaharibulan..... 20.....

.....
Tandatangan Kontraktor.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....

Nama Penuh:.....

No. K/P:.....

No. K/P:.....

Alamat:.....

Alamat:.....

Atas sifat:.....

No. Tel.:.....

No. Tel.:.....

Meterai atau Cop Kontraktor

NO. SEBUT HARGA : JKR (BLG) 1 / B / 2022 (N)

**KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAGAR SERTA LAIN - LAIN KERJA BERKAITAN
DI KUARTERS NEGERI (RUMAH JURUTERA DAERAH),
JKR DAERAH BALING, BALING, KEDAH DARUL AMAN.**



BIL.	HURAIAN KERJA	JUMLAH (RM)
1.0	<u>KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM</u>	
2.0	<u>KERJA-KERJA AWALAN</u>	
3.0	<u>KERJA-KERJA PAGAR</u>	
	JUMLAH DIBAWA KE BORANG SEBUT HARGA	

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....
TANDATANGAN & COP KONTRAKTOR

NAMA :

NO. K/P :

ALAMAT :

.....

.....

.....

NO. TEL. :

TARIKH :



**KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAGAR SERTA LAIN - LAIN KERJA BERKAITAN
DI KUARTERS NEGERI (RUMAH JURUTERA DAERAH),
JKR DAERAH BALING, BALING, KEDAH DARUL AMAN.**



BIL.	BUTIR-BUTIR KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
1.0	<u>KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM</u>				
1.1	Kontraktor adalah dikehendaki merujuk dan mematuhi Spesifikasi Piawai Untuk Kerja-Kerja Bangunan 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia dalam melaksanakan kerja-kerja dalam Sebut Harga ini.				
1.2	Menyediakan No. Pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial dan Pekerja (PERKESO) dan semua polisi insuran yang berkaitan (<i>Public Liability & Workmen Compensation / Contractor All Risk</i>).	LS	-		
1.3	Menyediakan dua (2) set laporan kerja harian (<i>site diary</i>), dua (2) set laporan bergambar bersaiz A4 dan dua (2) keping CD <i>soft copy</i> bagi menunjukkan keadaan sebelum, semasa dan selepas siap kerja.	LS			
1.4	Mengemas dan membersihkan keseluruhan tapak bina apabila kerja siap sepenuhnya.	LS			
JUMLAH BIL 1.0 DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA					
2.0	<u>KERJA-KERJA AWALAN</u>				
	<i>Menyediakan segala keperluan seperti tenaga kerja, peralatan dan jentera / mesin untuk menjalankan kerja-kerja sebagaimana disebut dalam spesifikasi dan lukisan atau sepertimana arahan Pegawai Penguasa atau Wakilnya untuk:</i>				
2.1	Meroboh, memecah dan menanggalkan tembok bata, tiang pagar (konkrit), pagar besi, pagar dawai berangkai (<i>chainlink</i>) dan tiang serta rasuk konkrit termasuk membersihkan segala bahan dan sisa yang tidak boleh digunakan serta dibawa keluar ke tapak pelupusan kontraktor. <i>*Nota: Dawai (<i>chainlink</i>) dan tiang yang masih boleh digunakan hendaklah disusun dan diletakkan setempat untuk kegunaan pihak JKR pada masa hadapan.</i>	M	195		
JUMLAH BIL 2.0 DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA					



**KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAGAR SERTA LAIN - LAIN KERJA BERKAITAN
DI KUARTERS NEGERI (RUMAH JURUTERA DAERAH),
JKR DAERAH BALING, BALING, KEDAH DARUL AMAN.**



BIL.	BUTIR-BUTIR KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
3.0	<u>KERJA-KERJA PAGAR</u> <i>Menyediakan segala keperluan seperti tenaga kerja, peralatan dan jentera / mesin untuk menjalankan kerja-kerja sebagaimana disebut dalam spesifikasi dan lukisan atau sepertimana arahan Pegawai Penguasa atau Wakilnya untuk:</i>				
3.1	Menggali 450mm lebar dan tidak melebihi 700mm dalam tanah (dengan jentera) bagi kerja pembinaan asas (<i>pad footing</i>) dan rasuk (<i>ground beam</i>).	M3	16		
3.2	Menyediakan jentera termasuk pengendali jentera untuk kerja-kerja menggali/pengorekkan bagi Bil. 3.1.	LS			
3.3	Menggali 150mm lebar dan tidak melebihi 450mm dalam tanah (dengan tangan) bagi kerja pembinaan bebendul konkrit dan asas konkrit.	M3	5		
3.4	Membekal, menghampar, meratakan dan memadat 50mm tebal lapisan hadkor/pasir sebagai lapisan asas.	M3	2		
3.5	Membekal dan memasang papan acuan konkrit (<i>formwork</i>) pada muka-muka yang ufuk (<i>horizontal</i>) untuk 300mm x 450mm rasuk (<i>ground beam</i>), 450mm x 450mm x 600mm (kedalaman) asas (<i>footing</i>) dan 450mm x 450mm x 1500mm (tinggi) tiang pagar termasuk kerja-kerja berkaitan.	M2	90		
3.6	Membekal, menghampar dan memadatkan konkrit Grade 25 untuk 450mm x 450mm x 600mm (kedalaman) asas (<i>pad footing</i>), 450mm x 450mm x 1500mm (tinggi) tiang pagar konkrit, 300mm x 450mm rasuk (<i>ground beam</i>), 150mm x 300mm bebendul konkrit serta kerja-kerja berkaitan.	M3	17		
3.7	Membekal dan memasang 12mm diameter besi tetulang (keluli tegangan tinggi) termasuk kerja-kerja berkaitan sepertimana Butiran X.	KG	755		
JUMLAH BIL 3.0 DI BAWA KE MUKA SURAT 4					



**KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAGAR SERTA LAIN - LAIN KERJA BERKAITAN
DI KUARTERS NEGERI (RUMAH JURUTERA DAERAH),
JKR DAERAH BALING, BALING, KEDAH DARUL AMAN.**



BIL.	BUTIR-BUTIR KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
JUMLAH BIL 3.0 DI BAWA DARI MUKA SURAT 3					
3.8	Membekal dan memasang 6mm diameter besi pengikat (bar keluli lembut) dipasang pada jarak 150mm c/c termasuk kerja-kerja berkaitan sepertimana Butiran X..	KG	285		
3.9	Menyediakan permukaan, membekal dan membina baru 225mm tebal dinding bata tanah liat termasuk diperkuat dengan 6mm diameter <i>dowel bar</i> dan <i>exmet</i> dipasang pada setiap empat lapisan bata.	M2	25		
3.10	Menyediakan permukaan dan melepa 20mm tebal simen plaster biasa dari simen dan pasir (1:4) dan bercampur dengan plasticiser pada permukaan baru sepertimana spesifikasi.	M2	60		
3.11	Merekabentuk, membekal dan memasang baru jeriji pagar dari jenis keluli tahan karat (<i>stainless steel</i>) berbingkai termasuk besi penyokong dan segala aksesori serta kerja-kerja berkaitan.	M	30		
3.12	Merekabentuk, membekal dan memasang baru pintu pagar dari jenis keluli tahan karat (<i>stainless steel</i>) berbingkai bersama <i>aluminium wood plate</i> atau setara yang diluluskan termasuk selusur (<i>railing</i>), besi penyokong, engsel, kunci, roda dan lengkap dengan segala aksesori serta kerja-kerja berkaitan.	M2	7		
3.13	Membekal dan memasang 1800mm (tinggi) x 60mm diameter tiang <i>galvanized iron (GI) round post</i> bersama penutup <i>galvanized post cap</i> termasuk aksesori / kelengkapan yang berkaitan sepertimana spesifikasi pembekal yang diluluskan serta ditanam sedalam 300mm dalam asas konkrit (diukur berasingan) pada jarak 2400mm c/c serta kerja-kerja berkaitan.	NOS	47		
3.14	Membekal dan memasang 1500mm (tinggi) x 2400mm (lebar) pagar jejaring (<i>BRC rolled top fence</i>) jenis <i>galvanised zinc aluminium wire</i> bukaan 150mm x 50mm x 5mm diameter (tebal) termasuk aksesori / kelengkapan yang berkaitan (<i>clip, bolt & nut</i>) sepertimana spesifikasi pembekal yang diluluskan serta dipasang pada tiang <i>galvanized iron (GI) round post</i> (diukur berasingan) serta kerja-kerja berkaitan.	M	109		
JUMLAH BIL 3.0 DI BAWA KE MUKA SURAT 5					








**KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAGAR SERTA LAIN - LAIN KERJA BERKAITAN
DI KUARTERS NEGERI (RUMAH JURUTERA DAERAH),
JKR DAERAH BALING, BALING, KEDAH DARUL AMAN.**



BIL.	BUTIR-BUTIR KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
JUMLAH BIL 3.0 DI BAWA DARI MUKA SURAT 4					
3.15	Menyediakan permukaan serta membekal dan mengecat permukaan dinding pagar dengan satu (1) lapisan cat rintangan alkali (<i>alkali resisting primer</i>) atau <i>wall sealer undercoat</i> dan dua (2) lapisan cat emulsi rintangan cuaca (<i>weather shield</i>) atau setara yang diluluskan.	M2	60		
3.16	Membekal dan memasang 300mm x 100mm <i>stone veneer</i> termasuk kerja-kerja berkaitan sepertimana spesifikasi pembekal.	M2	44		
3.17	Menyediakan permukaan dan melepa 16mm skrid simen dan pasir untuk menjubin dinding baru. *Borang Ketidakpatuhan (Borang NCR) / Surat Amaran akan dikeluarkan dan potongan bayaran akan dibuat sekiranya pihak kontraktor gagal mematuhi atau mengikut spesifikasi kerja dan Arahan Pegawai Penguasa atau Wakilnya. *Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggap telah dimasukkan di dalam mana-mana butiran lain. Penyebutharga adalah dikehendaki melawat tapak bina sebelum menghargakan sebutbutharganya. Sebarang tuntutan bayaran tambahan berhubung dengan perkara di atas tidak akan dipertimbangkan. Sila rujuk penentuan kerja tambahan, Arahan Pegawai / Wakil Pegawai Penguasa dan semua Spesifikasi yang berkaitan.	M2	44		
JUMLAH BIL 3.0 DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA					

BUTIRAN X



KERATAN A-A

BUTIRAN PAGAR 1500MM (TINGGI) BRC ROLLED TOP FENCE

**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Sila tandakan ☐ / ☐ Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dari CIDB	☐	☐
2.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) Dari BPKU (Kerja)	☐	☐
3.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari CIDB)	☐	☐
4.	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	☐	☐
5.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani	☐	☐
6.	Pematuhan Kepada Spesifikasi	☐	☐
7.	Senarai Kerja Dalam Pembinaan	☐	☐
8.	Pengalaman Kerja	☐	☐
9.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)	☐	☐
10.	Cadangan Penyelenggaraan / Penyelenggaraan (jika perlu)	☐	☐
11.	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)	☐	☐
12.	* Penyata Asal Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir (Jika Salinan WAJIB Disahkan oleh Bank)	☐	☐
13.	Borang Lawatan Tapak	☐	☐
14.	Salinan Resit Bayaran I-Bayaq.	☐	☐

M. S. 1/2

NOTA:

* Bagi Sebutharga yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00 sahaja (**diwajibkan**)

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar

Tandatangan

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

..... (jika ada).

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

DOKUMEN MEJA

SENARAI KERJA DALAM PEMBINAAN

Bil	Nama Projek & Jabatan Pelanggan	Nilai Projek (RM)	Tarikh Mula - Tarikh Siap	Kemajuan

PENGALAMAN KERJA

Bil	Nama Projek / No. Kontrak / No. Sebutharga	Harga Kontrak (RM)	Tarikh Mula Kerja/Tarikh Siap Kerja	Jabatan Pelanggan

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA.

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamat.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA.

2.1 Penyediaan Sebut Harga.

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga.
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga.
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan.
- (d) Jadual Kadar Harga (jika ada).
- (e) Butir-butir Spesifikasi (Jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga.

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga Serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

3. TEMPOH SIAP KERJA.*

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi ..6.. minggu.

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA.*

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga RM**10.00**..... (Ringgit Malaysia :**Sepuluh**..... Sahaja).

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA.

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah di tanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA.

Sebut harga ini sah selama Sembilan puluh (90) hari dari Tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

7. LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak bagi sebutharga ini adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Akan tetapi, pihak kontraktor dibenarkan melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan seperti yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga mengikut tempoh yang ditetapkan. Pihak kontraktor dinasihatkan mengamalkan penjarakan fizikal, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah diwajibkan

8. STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)

Kontraktor perlu mematuhi syarat-syarat dan Standard Operating Procedure (SOP) terkini yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa.

9. KEBENARAN MENGHANTAR DOKUMEN SEBUTHARGA MELALUI POS

Jika sebutharga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebutharga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan

-
- Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga.
 - Pengiraan harga dokumen sebut harga hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA.

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko luar jangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA.

- 2.1 Kontraktor hendaklah atas nama Bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil insuran Liabiliti Awam dan Insuran Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memula kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insuran selepas tempoh sah nota-nota perlindungan tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9 (d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA.

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.
- 3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:-
 - (i) Suruhanjaya Tenaga.
 - (ii) Jabatan Keselamatan Pekerja dan Kesihatan.
 - (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
 - (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
 - (v) Pihak Berkuasa Tempatan

*Potong jika tidak diperlukan

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA.

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari Tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA.

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-Kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti di perihalkandalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi Kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah digantikan dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sample bahan dan barang-barang untuk ujian.

6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA.

7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.

7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurna.

7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.

7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya

Daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahnnya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaraskan dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Subut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11. KERJA PERUBAHAN

11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.

11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadarharga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.

12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.

12.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar Salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, Salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos da bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

17. BAIKPULIH KEROSAKAN HARTA PELANGGAN SEMASA TEMPOH KONTRAK

Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kerosakan, atau apa-apa jua kerosakan kecil lain yang mungkin kelihatan yang disebabkan oleh kecuaiian kontraktor yang mengakibatkan kecacatan kepada harta benda pelanggan sepanjang atau semasa tempoh kontrak berjalan. Kontraktor hendaklah membaiki kerosakan, kecacatan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri tanpa sebarang kos tambahan.

18. LANJUTAN MASA

Pelanjutan masa adalah dibenarkan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Sebutharga terlebih dahulu.

19. GANTI RUGI TERTENTU DAN DITETAPKAN (*Liquidated Ascertained Damages*)

Jika kontraktor tidak menyiapkan Kerja pada “Tarikh Siap” yang dinyatakan dalam Lampiran atau dalam sesuatu masa lanjutan di bawah Fasal 18 Syarat-syarat ini dan Pegawai Penguasa atau Pegawai Inden memperakui secara bertulis bahawa pendapatnya kerja tersebut dengan munasabahnyanya sepatutnya telah siap, Kontraktor hendaklah membayar atau memberikan kepada Kerajaan suatu jumlah wang yang dikira mengikut kadar yang dinyatakan sebagai Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan selama tempoh kerja tersebut terus berkeadaan begitu dan tidak siap. Pegawai Penguasa dan Pegawai Inden boleh memotong ganti rugi itu dari apa-apa wang yang kena dibayar kepada Kontraktor. Perakuan yang dikeluarkan di bawah Syarat ini hendaklah disebut sebagai “Perakuan Kerja Tidak Siap”.

Contoh pengiraan LAD:

- Formula :
$$\frac{(\text{BLR}\% \times \text{Harga Kontrak})}{365}$$

****Base Lending Rate (BLR)** dikeluarkan oleh mana-mana bank perdagangan dan dikemaskini pada setiap bulan.

Nota:

Sekiranya kadar pengiraan LAD seperti formula di atas adalah kurang daripada RM50.00, maka kadar minimum kenaikan LAD adalah sebanyak RM50.00/hari

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

JKR(BLG)1/B/2022(N)

KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAGAR SERTA LAIN - LAIN KERJA BERKAITAN DI KUARTERS NEGERI (RUMAH JURUTERA DAERAH), JKR DAERAH BALING, BALING, KEDAH DARUL AMAN

Saya, _____ nombor K.P _____ yang mewakili _____ nombor Pendaftaran _____ dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebut Harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi Sebut Harga di atas;
- 2.3 disabitkan di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574); dan
- 2.4 tindakan tatatertib lain mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau manamana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cop Kontraktor :